

# Shahriffuddin juarai Kejuaraan PGM Maybank

**KUALA LUMPUR:** Selepas bermula agak perlahan pada hari pertama dan kedua, pemain golf profesional negara, Shahriffuddin Ariffin akhirnya muncul juara PGM Maybank 2022 semalam.

Kejohanan edisi kedua yang berlangsung di Saujana Golf & Country Club, Subang dekat ini, Shahriffuddin atau lebih dikenali dengan panggilan Dino, berjaya mengumpul sembilan *birdie* keseluruhan kejohanan selepas membenam enam *birdie* pada hari terakhir dengan mengumpul 66 pukulan.

Dengan kemenangan itu, Shahriffuddin membawa pulang wang tunai RM21,000.

Bermula pada hari pertama dengan dua bawah 70 dan hari kedua satu bawah par 71, Dino bangkit memberi saingan dan tekanan kepada pendahulu hari



**SYAKIR Adli ketika beraksi pada hari terakhir Kejuaraan PGM Maybank di Saujana Golf & Country Club, Subang semalam. - IHSAN PGM**

kedua, Kemarol Baharin yang mencatat lima bawah par 67.

Bagaimanapun, Kemarol gagal mengekalkan momentum pada hari terakhir selepas mencatat dua atas par 74, sekali gus meletakkannya di tempat kelima dengan dua *birdie* keseluruhan.

Adik pemain nombor satu negara, Gavin Green iaitu Galven Green, sekadar mengungguli tempat ketiga dengan empat *birdie* keseluruhan, berada di belakang naib juara, Daeng Abdul Rahman yang mencatat enam *birdie* keseluruhan.

Berkongsi tempat ketiga bersama Galven ialah Nicholas Fung.

Sementara itu, pemain tajaan Nano Stix, Syakir Adli berkongsi kedudukan di tangga ketujuh bersama R. Nachimuthu dan G. Nateeshvar (A) selepas masing-masing mencatat satu di atas par.

Syakir bermula agak perlahan pada hari pertama kejohanan apabila mencatat tiga di atas par 75. Begitupun pada hari kedua dia kembali ke cemerlang dengan catatan tiga bawah par 69.

## KEPUTUSAN

- Shahriffuddin Ariffin (70, 71, 66) -9
- Daeng Abdul Rahman (71, 71, 68) -6
- Galven Green (71, 72, 69) -4
- Nicholas Fung (69, 71, 72) -4
- Kemarol Baharin (73, 67, 74) -2
- Wilson Choo (73, 70, 72) -1
- Khor Kheng Hwai (74, 67, 74) -1
- Kim Leun Kwang (70, 73, 73) Par
- G. Nateeshvar (A) (73; 74, 70) +1